

16/03/2004

Jangan dilalaikan kemenangan awal

A Kadir Jasin

KEMENANGAN tanpa bertanding Barisan Nasional (BN) di 14 kerusi Parlimen dan tujuh kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada hari penamaan calon 13 Mac adalah satu petanda baik bagi parti pemerintah itu.

Ini ditambah satu lagi kerusi Parlimen pada hari berikutnya apabila calon Pas yang menentang calon BN, Datuk Seri Syed Hamid Albar, di Kota Tinggi menarik diri.

Meminjam hujah Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ini menunjukkan ada tanda-tanda BN akan mendapat kemenangan besar. Tetapi, Abdullah juga adalah antara pemimpin BN yang terawal mengingatkan ahli, penyokong dan pekerja parti agar tidak dilalaikan oleh kejayaan awal itu.

Kalau kemenangan awal itu memberangsangkan BN, ia mencabar parti-parti lawan supaya bekerja lebih gigih untuk menghalang kemenangan mudah BN seterusnya. Ia juga boleh mengalih simpati kepada pembangkang.

Manakala BN boleh bergembira dan wajib bersyukur dengan kemenangan itu, namun ia bukanlah gambaran mutlak mengenai apa yang akan berlaku Ahad ini kerana 13 daripada kerusi Parlimen dan lima daripada kerusi DUN yang dimenangi tanpa bertanding itu adalah di Sarawak dan Sabah di mana BN kerap mencatat prestasi sedemikian.

Sebaliknya, kemenangan teknikal Pas bagi kerusi DUN Senggarang, Johor menjadi suntikan steroid yang sangat berguna bagi parti berkenaan. Ia sudah pun mula menggunakan kemenangan itu sebagai petanda perjuangannya dirahmati.

BN tidak mampu mengulangi kelalaian di Senggarang di 204 kerusi Parlimen dan 497 DUN yang ditandingi. Ia wajib melakukan bedah siasat terperinci terhadap kesilapan yang berlaku di Senggarang untuk memastikan siapa yang bertanggungjawab dan kejadian yang memalukan seperti itu tidak berulang lagi.

Kemenangan awal BN pada hari penamaan calon menonjolkan beberapa ciri yang membezakan Pilihan Raya Umum kali ini dengan pilihan raya umum 1999 apabila BN hanya diberi kemenangan percuma di satu kerusi Parlimen dan satu kerusi DUN.

Pertama, pilihan raya kali ini adalah pilihan raya sulung yang diadakan oleh Perdana Menteri baru. Dalam sejarah pilihan raya di negara ini, pilihan raya umum pertama setiap Perdana Menteri baru lazimnya memihak kepada parti pemerintah.

Tun Abdul Razak Hussein menang besar pada 1974 dengan memperkenalkan BN bagi menggantikan Perikatan; Tun Hussein Onn pula memperoleh kemenangan besar pada 1978 walaupun Pas dipecat daripada BN dan Tun Dr Mahathir Mohamad mengulanginya pada 1982.

Justeru, adalah tidak mustahil bahawa Abdullah juga akan mencatat rekod yang sama atau mungkin juga lebih baik sekiranya kesilapan awal tidak diulangi. Dengan meletakkan begitu banyak calon baru - sebahagian besarnya adalah tokoh muda yang berwibawa - Abdullah membuktikan kepada pengundi bahawa beliau serius membuat perubahan dan pembaikan.

Walaupun timbul ketidakpuasan hati di kalangan segelintir pemimpin parti komponen BN dengan pemilihan calon, ia bukanlah sesuatu yang asing atau terlalu sukar untuk diatasi. Yang lebih membimbangkan ialah keberkesanan jentera pilihan raya BN di semua peringkat.

Dengan begitu banyak pengurus pejabat Umno di semua peringkat dicalonkan bertanding, timbul kebimbangan bahawa jentera pilihan raya mungkin tidak bergerak selancar yang diperlukan.

Seorang calon Parlimen BN yang ditemui selepas pencalonan bimbang pengalaman Pilihan Raya Umum 1999 berulang lagi apabila parti lawan menggunakan komputer manakala Umno menggunakan pensil dan pembaris.

Tinjauan penulis di beberapa kawasan pilihan raya di utara Semenanjung termasuk Kubang Pasu, Pokok Sena, Padang Terap, Sungai Petani, Pendang, Sik, Permatang Pauh, Bukit Mertajam dan Taiping mendapati belum banyak poster BN dipasang. Pemasangan poster, sepanduk dan bendera adalah penting untuk mengukur persediaan sesebuah parti, sama ada dari segi logistik, kewangan, guna tenaga dan semangat pekerjaanya.

Namun, apa yang harus disedari ialah berkempen dari rumah ke rumah dan dari kampung ke kampung adalah jauh lebih sukar daripada kerja mencetak, mengedar dan memasang poster, sepanduk serta bendera.

Kedua, dengan ketiadaan isu yang berupa satu lagi ciri pilihan raya umum kali ini, kempen dari rumah ke rumah atau dalam kumpulan kecil adalah lebih penting daripada ceramah atau penyebaran maklumat melalui saluran massa seperti akhbar, radio dan televisyen.

Bagi BN, kempen akar umbi menjadi lebih kritikal kali ini kerana ia mengemukakan banyak calon baru yang perlu diperkenalkan secara peribadi kepada pekerja parti dan pengundi.

Melawat peti undi dan pusat operasi tidak menjamin kemenangan. Mereka wajib melawat kedai kopi, pasar, pasar raya, stesen bas dan teksi untuk menemui pengundi dan memperkenalkan diri.

Tanpa isu besar, keperibadian calon boleh menjadi isu yang merumitkan. Sudah kedengaran desas-desus calon tidak mesra, calon tidak berjabat tangan, calon tidak beri salam dan calon duduk dalam kereta berhawa dingin membaca akhbar.

Ketiga, walaupun parti-parti pembangkang gagal menubuhkan pakatan yang kuat, ia tidak bermakna bahawa mereka bukan lagi ancaman.

Sebaliknya, ini mungkin memperkukuhkan lagi kedudukan parti-parti berkenaan. Misalnya, penyokong Pas akan lebih komited kepada Pas, penyokong DAP kepada DAP dan penyokong Keadilan kepada Keadilan.

DAP, misalnya, lebih mudah meyakinkan orang bukan Melayu supaya menyokongnya kali ini kerana ia menolak pakatan dengan Pas. Yang menjadi masalah kepada DAP ialah kegagalannya memperkenalkan barisan pelapis yang berwibawa.

Ia sebaliknya terus-menerus dilihat sebagai parti Lim Kit Siang-Karpal Singh yang berpindah-randah dan menukar strategi dari negeri ke negeri dan daripada pilihan raya ke pilihan raya.

Tanpa isu besar untuk digembar-gemburkan, Pas juga lebih bergantung kepada perwatakan. Ia berharap dapat menarik minat pengundi dengan mengemukakan calon berprofil tinggi, berduit dan kontroversial walaupun kadang-kadang tidak menepati dakwaannya sebagai parti Islam.

Ini mula menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan sesetengah pemimpin dan aktivis Pas yang lebih dogmatik. Mereka berasa parti itu mula disusupi watak-watak yang tidak secocok dengan imej Pas dan tidak komited kepada idealismenya.

Kesimpulannya, walaupun banyak petunjuk menjurus ke arah kemenangan besar BN, ia masih perlu bekerja kuat kerana kemenangan awal boleh melalaikan pekerja dan penyokong parti. Serentak itu, pembangkang pastinya menjadi lebih berazam untuk menyekat BN daripada memperoleh laluan mudah pada hari pengundian Ahad ini.